



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,  
75450 Melaka

Tel: 06-2895000  
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(A)/MEL/92 Jld.2 (17)  
Tarikh : 05 Februari 2021  
Bersamaan : 23 Jamadilakhir 1442H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Seliaan JANM Negeri Melaka

Tuan,

**TATACARA PEMBATALAN INVOIS TERIMAAN HASIL KERAJAAN YANG  
DIKELUARKAN BUKAN DALAM TAHUN SEMASA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, invois terimaan hasil Kerajaan yang telah dikeluarkan oleh PTJ hanya boleh dibatalkan atas sebab-sebab berikut:

2.1 Bayaran bagi invois tersebut telah diterima menggunakan Resit Rasmi jenis OTC (One Time Customer); atau

2.2 Kesilapan mengunci masuk maklumat invois yang menyebabkan invois perlu dibatalkan.

3. Sehubungan itu, kelulusan Jabatan ini hendaklah diperolehi terlebih dahulu sekiranya pembatalan invois melibatkan invois yang dikeluarkan bukan dalam tahun semasa. Contohnya, pembatalan invois tahun 2020 yang ingin dibatalkan dalam tahun 2021.

4. Selain itu, PTJ perlu memastikan tindakan berikut diambil semasa melaksanakan proses pembatalan invois yang dikeluarkan bukan dalam tahun semasa:

4.1 PTJ mengemukakan permohonan pembatalan invois kepada Jabatan ini dengan menggunakan Borang Permohonan Pembatalan Invois seperti di Lampiran A;

4.2 Setelah mendapat kelulusan AO, PTJ menyediakan baucar jurnal batal invois (DK) di portal iGFMS setelah mendapat kelulusan Jabatan ini; dan

4.3 PTJ perlu maklumkan kepada Jabatan ini secara bertulis selepas baucar jurnal diperaku 2 untuk tindakan pelarasan di peringkat Pejabat Perakaunan.

4. Bersama-sama ini dilampirkan **Tatacara Pembatalan Invois** yang lengkap untuk rujukan tuan.

5. Sila hubungi Cik Nor Azlina Binti A.Rahman / Encik Mohd Hairul di talian telefon 06-289 5007 / 5060 sekiranya mempunyai pertanyaan berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
***“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M), CPA (Aust.))**

Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.

s.k. PPK (K) – Pemantauan semasa naziran.

Fail penyelarasan

**BORANG PERMOHONAN PEMBATALAN INVOIS TAHUN LEPAS**

|                       |               |
|-----------------------|---------------|
| Kod Jabatan:          | Kod PTJ:      |
| Kod Hasil:            | No. Resit:    |
| No. Baucar Jurnal DK: | No. Tel/Faks: |

\* Sila pastikan kelulusan dari Pejabat Perakaunan diperolehi terlebih dahulu sebelum baucar jurnal disediakan oleh PTJ.

**Sebab-sebab pembatalan invois tahun lepas:**

---



---



---



---

1. Nama dan Gred Jawatan Pegawai Yang Bertanggungjawab

\_\_\_\_\_  
(Nama Pegawai & Gred Jawatan)

2. Pengesahan oleh Ketua Pejabat/PTJ dan Cop Jabatan

\_\_\_\_\_  
(Nama Ketua Pejabat/PTJ)

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PERAKAUNAN**

3. \*DILULUSKAN / DITOLAK

**Tarikh Kelulusan:**

Catatan:

Nama Pegawai : .....  
No Kelulusan : .....

.....  
(Tandatangan) & Cop Rasmi)